



جدول وقت سمبهيغ

APRIL 2023
RAMADHAN 1444H - SYAWAL 1444H
رمضان ١٤٤٤هـ - شوال ١٤٤٤هـ

Hari	Masih Hijrah	الصباح	الشروق	الظهر	العصر	المغرب	العشاء
		Subuh	Syuruk	Zuhur	Asar	Maghrib	Isya`
Sabtu	1 10	5.02	6.34	1.10	4.37	7.36	8.53
Ahad	2 11	5.00	6.32	1.09	4.38	7.38	8.55
Isnin	3 12	4.57	6.29	1.09	4.39	7.40	8.56
Selasa	4 13	4.55	6.27	1.09	4.40	7.41	8.57
Rabu	5 14	4.53	6.25	1.08	4.41	7.43	8.59
Khamis	6 15	4.51	6.23	1.08	4.42	7.45	9.01
Jumaat	7 16	4.48	6.20	1.08	4.43	7.46	9.02
Sabtu	8 17	4.46	6.18	1.08	4.43	7.48	9.04
Ahad	9 18	4.44	6.16	1.07	4.44	7.50	9.05
Isnin	10 19	4.42	6.14	1.07	4.45	7.51	9.06
Selasa	11 20	4.39	6.11	1.07	4.46	7.53	9.08
Rabu	12 21	4.37	6.09	1.06	4.47	7.55	9.10
Khamis	13 22	4.35	6.07	1.06	4.47	7.56	9.11
Jumaat	14 23	4.33	6.05	1.06	4.48	7.58	9.13
Sabtu	15 24	4.31	6.03	1.06	4.49	8.00	9.15
Ahad	16 25	4.29	6.01	1.06	4.50	8.02	9.17
Isnin	17 26	4.26	5.58	1.05	4.51	8.03	9.17
Selasa	18 27	4.23	5.56	1.05	4.51	8.05	9.19
Rabu	19 28	4.21	5.54	1.05	4.52	8.07	9.21
Khamis	20 29	4.19	5.52	1.05	4.53	8.08	9.22
Jumaat	21 1	4.16	5.50	1.04	4.54	8.10	9.24
Sabtu	22 2	4.14	5.48	1.04	4.54	8.12	9.26
Ahad	23 3	4.12	5.46	1.04	4.55	8.13	9.26
Isnin	24 4	4.09	5.44	1.04	4.56	8.15	9.28
Selasa	25 5	4.07	5.42	1.04	4.56	8.17	9.30
Rabu	26 6	4.05	5.40	1.04	4.57	8.18	9.30
Khamis	27 7	4.02	5.38	1.03	4.58	8.20	9.32
Jumaat	28 8	4.00	5.36	1.03	4.59	8.22	9.34
Sabtu	29 9	3.58	5.34	1.03	4.59	8.23	9.34
Ahad	30 10	3.55	5.32	1.03	5.00	8.25	9.36

- Hari Raya Aidilfitri (tertakluk hasil penglihatan anak bulan Syawal)**
(Hari Jumaat 21 April 2023M bersamaan 01 Syawal 1444H)
- Good Friday**
(Hari Jumaat 07 April 2023M bersamaan 16 Ramadhan 1444H)
- Easter Monday**
(Hari Isnin 10 April 2023M bersamaan 19 Ramadhan 1444H)

Nasihat Untuk Kita Bersama

KELEBIHAN MEMBACA AL-QUR'AN

Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 185 tafsirnya:
“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Qur’an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.”

Sesungguhnya bulan Ramadhan adalah kesempatan yang paling berharga bagi kita untuk memperbanyakkan membaca Al-Qur’an, sama ada secara bertadarus ataupun secara berseorangan lebih-lebih lagi sehingga menamatkan ataupun khatam bacaan 30 juzuk Al-Qur’an.

Amatlah rugi bagi orang yang tidak merebut peluang memperbanyakkan membaca Al-Qur’an kerana Rasulullah SAW dalam hadis-hadis baginda ada menyebutkan mengenai kelebihan bagi orang-orang yang membaca Al-Qur’an, antaranya:

Pertama: Membaca Al-Qur’an dinaungi dengan payung rahmat, dikelilingi para malaikat dan diturunkan Allah SWT kepadanya ketenangan dan kewaspadaan.

Kedua: Pembaca Al-Qur’an dikurniakan hatinya dengan cahaya oleh Allah SWT dan dipeliharanya dengan kegelapan.

Ketiga: Pembaca Al-Qur’an, tidak bergundah hati dan terlepas dari kesusahan-kesusahan di hari kiamat, kerana dia sentiasa dalam pemeliharaan dan penjagaan Allah SWT

Keempat: Pembaca Al-Qur’an memperoleh kedudukan yang tinggi di dalam syurga.

Daripada Abdullah bin Amru RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Kelak akan dikatakan kepada pembaca Al-Qur’an: Bacalah (Al-Qur’an), naiklah (pada darjat-darjat syurga) dan bacalah dengan tertil sebagaimana engkau membacanya dengan tertil di dunia. Sesungguhnya kedudukan darjatmu sehingga qadar akhir ayat yang engkau baca.

(Hadis Riwayat Imam Termizi)

Kelima: Satu huruf Al-Qur’an yang dibaca satu pahala. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Termizi :

Daripada Abdullah bin Mas’ud RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: Barangsiapa membaca satu huruf daripada kitab Allah (Al-Qur’an), maka baginya satu kebajikan, dan satu kebajikan menyemai dengan sepuluh. Aku tidak mengatakan Alif Lam Mim itu satu huruf tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.

Petikan Khutbah Jumaat 15 April 2022